

Naib Canselor UMS bangga dengan pencapaian tujuh kakitangan, pelajar

GL Oh DE 9.11.2016 8

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bangga dengan pencapaian tujuh kakitangan dan pelajarnya yang dipilih FAM dalam skuad bola sepak wanita kebangsaan untuk Sukan SEA Kuala Lumpur tahun depan.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah memberikan tugas ketua jurulatih kepada Pengarah Pusat Sukan, Mohd Asyraaf Abdullah bersama Mohd Ayyman Shah Johny Abdullah sebagai pembantu, sementara Syed Mohd Salim Syed Ibrahim sebagai kakitangan peralatan serta ahli pasukan Fisioterapi

Masturah Majid, Sherilynn Elly Pius, Jaciah Jumilis dan Haindee Mosroh yang merupakan kakitangan UMS dan pelajar Ji Dedalliah Claritta Jaimin dan Sanizah Dualin dinamakan dalam senarai pemain.

Menurut Harun ini adalah sumbangan besar kepada negara oleh UMS daripada kakitangannya selain menyediakan kemudahan sebagai pusat latihan buat pasukan.

“UMS mempunyai fasiliti terbaik buat pasukan kebangsaan selain mempunyai padang rumput tiruan yang mendapat pengiktirafan FIFA.”

Beliau menambah bahawa mereka bersedia memberikan bantuan dan sokongan kepada pasukan kebangsaan supaya mereka boleh mencapai tahap optimim untuk kejohanan tahun depan itu.

Sementara itu, Asyraaf yang merakamkan terima kasih kepada FAM atas kepercayaan yang diberikan kepadanya berkata ia adalah perkembangan positif untuk melihat pegawai dan pelajar dari universiti itu memainkan peranan dalam pembangunan sukan untuk negara.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor dan Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atas sokongan mereka.

Ia adalah kali kedua dia menjadi pegawai kontinjen kebangsaan susulan pelantikannya sebelum ini sebagai Pengurus Besar pasukan Taekwondo Kebangsaan di Sukan SEA Myanmar 2013.